

PERASMIAN PERAYAAN 25 TAHUN PARLIMEN MALAYSIA BANGUNAN PARLIMEN

30 MAC 1985

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam sejahtera. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri; Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negara; Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Rakyat; Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pusat Perayaan 25 Tahun Parlimen Malaysia; Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri; Ahli-Ahli Yang Berhormat; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, dapat saya hadir bersama di Majlis yang bersejarah pada pagi ini. Saya mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat Perayaan yang telah berusaha menyusun beberapa aktiviti bagi menyambut Perayaan 25 Tahun Parlimen Malaysia.

Para hadirin sekalian,

2. Sesungguhnya Perayaan 25 Tahun Parlimen Malaysia mempunyai erti yang amat besar kepada negara dan rakyat. Dalam usia 25 tahun itu, Parlimen Malaysia merupakan lambang yang unggul dan bahagian yang penting dalam proses demokrasi di negara kita. Perayaan ini membuktikan kematangan sistem berpolitik dan sistem pemerintahan negara berasaskan kepada prinsip Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan ini telah diterima oleh rakyat Malaysia daripada semua keturunan, setelah diperjuangkan oleh para pejuang kemerdekaan negara dengan semangat patriotisme yang luhur. Sistem ini telah dipupuk perkembangannya dan dipelihara sehingga mewujudkan kestabilan negara. Kestabilan ini telah membolehkan rakyat menikmati keamanan dan kemajuan dalam bidang ekonomi, politik, sosial dan sebagainya hingga ke hari ini. Walaupun demikian, kebebasan yang kita nikmati tidaklah bersifat mutlak, tetapi tertakluk kepada sekatan-sekatan tertentu yang perlu kita adakan terutamanya dalam masyarakat majmuk kita. Sekatan-sekatan itu pula tidaklah dikenakan dengan sewenang-wenangnya tetapi dibuat berdasarkan kehendak rakyat melalui Parlimen.

3. Saya gembira mendapati sebilangan besar bekas Ahli-ahli Parlimen turut hadir bersama di Majlis ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan bekas ahli Parlimen memberi makna yang besar kepada kita oleh kerana mereka merupakan tokoh-tokoh yang telah banyak memberi sumbangan kepada kejayaan Sistem Demokrasi Berparlimen di negara ini, sama ada dari parti

Kerajaan atau parti-parti pembangkang, dan negara dan rakyat menghargai jasa bakti tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Bersempena dengan peristiwa yang bersejarah ini, saya percaya kita akan dapat membaharui tali silaturahmi di antara satu sama lain sambil mengenang kembali akan peristiwa-peristiwa menarik yang telah berlaku dalam Parlimen ini. Sumbangan tokoh-tokoh itu sedikit sebanyak akan dipaparkan melalui pameran Sejarah dan Perkembangan Parlimen yang akan kita saksikan sebentar lagi.

4. Dalam Sistem Demokrasi Berparlimen, rakyat mempunyai suara mutlak dalam menentukan Kerajaan yang memerintah sesebuah negara. Sejak negara kita mencapai kemerdekaan, sistem pemerintahan negara ditentukan melalui pilihanraya yang bebas yang diadakan dalam tempoh masa selewat-lewatnya lima tahun sekali. Melalui pilihanraya, rakyat memilih wakil-wakil mereka yang diamanahkan untuk melaksanakan harapan dan hasrat rakyat berlandaskan semangat dan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Negara. Walaupun demokrasi mengutamakan kehendak majoriti, tetapi kita tetap berpegang teguh kepada prinsip-prinsip keadilan terutama kepada kumpulan minoriti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara.

Para hadirin sekalian,

5. Di majlis yang bersejarah dan amat bermakna ini, wajarlah kita merenung kembali liku-liku yang telah kita lalui dalam mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen. Dalam tempoh lebih satu dekad yang pertama sejak negara mencapai kemerdekaan, Sistem Demokrasi Berparlimen yang kita amalkan telah membolehkan kita meletakkan asas-asas yang kukuh dalam bidang pembangunan sosial dan keselamatan. Dalam tempoh itu, kita telah berjaya menggubal Dasar Pelajaran Kebangsaan, melaksanakan projek-projek pembangunan khususnya di luar bandar dan mengatasi ancaman terhadap keselamatan negara kita dari dalam dan luar negeri. Kejayaan ini adalah hasil daripada tindakan tegas Kerajaan dan sokongan yang padu daripada rakyat. Hakikat sokongan rakyat terbukti melalui dua pilihanraya umum yang diadakan dalam tempoh tersebut.

6. Sungguhpun demikian, keutuhan Sistem Demokrasi Berparlimen telah tercabar selepas pilihanraya umum tahun 1969. Peristiwa 13 Mei merupakan satu peristiwa yang mendukacitakan dalam sejarah Demokrasi Berparlimen di negara ini. Tetapi, dengan sikap bertanggungjawab Kerajaan dan dengan kepercayaan serta mandat yang diberi oleh rakyat, kita telah berjaya memulihkan keadaan dan kembali kepada Sistem Demokrasi Berparlimen. Kita bangga kerana mempunyai pemimpin-pemimpin pada masa itu yang berpegang teguh kepada prinsip-prinsip demokrasi dan benar-benar mengutamakan hak mutlak rakyat. Kepada mereka kita terhutang budi buat

selama-lamanya. Pendirian pemimpin-pemimpin kita pada masa itu menguatkan lagi keyakinan rakyat terhadap Sistem

Demokrasi Berparlimen.

7. Berpandukan kepada pengalaman kita pada tahun 1969, kita insaf bahawa kebebasan yang tidak terhad tidak mungkin diamalkan dalam masyarakat majmuk di negara kita. Oleh itu, demokrasi di negara ini telah diubahsuai mengikut kehendak dan keperluan masyarakat kita. Kita dapati bahawa perbincangan-perbincangan yang tidak terhad, tuduhan dan provokasi pihak yang tidak bertanggungjawab, akan menyalakan api perkauman dan mengakibatkan ketegangan di kalangan masyarakat. Dengan adanya kesedaran itu, kita telah mengeluarkan beberapa perkara yang sensitif daripada diperbincangkan. Semua pihak, terutamanya generasi muda perlu sedar mengenai sekatan-sekatan tersebut, dan sebab-sebabnya mengapa sekatan-sekatan tersebut diadakan, supaya mereka tidak mudah diputarbelitkan oleh golongan-golongan tertentu yang sentiasa mengambil kesempatan untuk mengukur kebebasan yang kita amalkan mengikut kebebasan yang diamalkan di negara-negara lain.

8. Di sini harus kita ingati bahawa demokrasi dibentuk untuk kepentingan manusia dan bukan manusia yang harus dibentuk untuk kepentingan demokrasi. Tidak ada sistem yang baik semata-mata kerana bentuk sistem itu. Sistem dengan pengamal sistem mestilah bertindak secara rasional dan 'complementary' sebelum sesuatu yang baik boleh wujud daripada sistem tersebut.

9. Dalam demokrasi, seperti juga dalam sistem lain, jika manusia menyalahgunakan sistem sehingga mendatangkan keburukan kepada masyarakat umum, maka demokrasi kerana demokrasi perlu difikirkan semula. Demokrasi memberi kebebasan kepada kita, tetapi kebebasan itu tidaklah sehingga kita dan demokrasi juga akan musnah. Oleh sebab itu parti komunis tidak dibenarkan. Mereka berhasrat menggunakan demokrasi untuk mendapat kuasa supaya dengan kuasa itu mereka dapat menghapuskan demokrasi. Tindakan mengharam parti komunis pada permukaannya adalah tidak demokratik tetapi tujuannya ialah untuk memelihara demokrasi. Begitu juga dengan tindakan-tindakan lain yang sepintas lalu merupakan penapian terhadap demokrasi tetapi sebenarnya dalam jangka panjang bertujuan memelihara demokrasi.

10. Tafsiran demokrasi tidaklah sama antara sebuah negara dengan negara yang lain. Ada negara yang menggelar dirinya sebagai negara demokratik tetapi mengamalkan sistem yang autokratik. Ada juga negara yang begitu

demokratik daripada segi kebebasan kepada golongan minoriti sehingga hak majoriti terancam. Sebenarnya tidak ada demokrasi yang 'ideal', yang tidak cacat di dunia ini. Semua demokrasi, di timur atau di barat, di negara maju atau negara membangun, adalah cacat. Kita di Malaysia tidak perlu berasa terhina dan 'apologetic' kerana sistem demokrasi kita berbeza dengan sistem yang diamalkan oleh negara-negara lain. Sistem kita adalah untuk keadaan di negara kita. Yang penting ialah sistem ini memberi pilihan kepada rakyat memilih Kerajaan dan Kerajaan itu tidak diberi hak memerintah secara diktator. Dan selewat-lewatnya lima tahun sekali Kerajaan mestilah menyerah diri kepada rakyat untuk mereka menentukan sama ada memberi mandat yang baru atau mandat itu diberikan kepada pihak lain pula. Tidak ada sesiapa di dunia ini yang boleh berkata bahawa pilihanraya di Malaysia tidak bebas. Ianya bebas dan tidak pernah berlaku parti Kerajaan memenangi 100 peratus daripada kerusi yang dipertandingkan. Parti pembangkang tetap mendapat tempat. Jika bilangan mereka kecil, itu adalah keputusan rakyat. Malaysia ialah sebuah negara demokratik dengan Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berpelembagaan dan kita berbangga dengan sistem yang kita amalkan ini.

Para hadirin sekalian,

11. Kestabilan dan kemantapan politik di bawah Sistem Demokrasi Berparlimen telah membolehkan Kerajaan merangka, menggubal dan seterusnya melaksanakan strategi-strategi pembangunan negara. Bagi kita, pembangunan yang pesat akan membolehkan semua pihak mengecap nikmat kemakmuran dan kesejahteraan dalam hidup masing-masing. Atas kesedaran inilah Kerajaan telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia bagi mencapai perpaduan serta mengekalkan keamanan dan keselamatan negara. Dasar Ekonomi Baru adalah untuk faedah rakyat negara ini.

12. Dalam usaha-usaha pembangunan, Kerajaan juga menggalakkan pertumbuhan aktiviti-aktiviti ekonomi untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan, menambah kemahiran, menggalakkan penggunaan teknologi moden dan apa yang lebih penting ialah mempertingkatkan daya pengeluaran, pendapatan dan kemakmuran negara. Di samping itu Kerajaan akan terus menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam usaha Kerajaan untuk memesatkan pembangunan negara, meningkatkan kecekapan dan mencapai produktiviti yang lebih tinggi. Atas kesedaran inilah Kerajaan melaksanakan dasar Penswastaan dan Persyarikatan Malaysia tanpa membelakangkan Dasar Ekonomi Baru.

13. Di samping itu juga Kerajaan telah menitik-beratkan pelajaran dan pendidikan. Kemudahan-kemudahan pelajaran yang kita sediakan di negara ini adalah bertujuan untuk memupuk perpaduan negara dan memenuhi keperluan tenaga rakyat terlatih. Sistem pelajaran dan latihan membolehkan rakyat Malaysia melibatkan diri sepenuhnya dalam pembangunan negara. Kemudahan-kemudahan pelajaran yang diberikan oleh Kerajaan, sama ada di dalam atau di luar negara, adalah dibiayai oleh rakyat dan merupakan pelaburan untuk menjamin kesejahteraan rakyat dan negara pada masa hadapan. Oleh itu rakyat berhak mendapat pulangan yang positif daripada pelaburan itu. Dalam hubungan ini, perlulah disedari bahawa segala kemudahan yang diberi dan disediakan oleh Kerajaan mestilah digunakan untuk memenuhi hasrat dan harapan rakyat. Saya menyeru para pelajar, khususnya di institusi-institusi pelajaran tinggi, sama ada di dalam mahupun di luar negeri, supaya menumpukan masa dan perhatian kepada tanggungjawab mencari ilmu. Mereka patutlah berwaspada terhadap tindak-tanduk mana-mana golongan yang sengaja memburuk-burukkan sistem pemerintahan negara kita yang kita amalkan semenjak merdeka. Mereka haruslah sentiasa sedar bahawa dengan wujudnya sistem pemerintahan secara demokrasi, mereka mendapat kebebasan dan kemudahan untuk mencari ilmu.

14. Di samping itu, di tangan belia dan para pelajarlah terletak masa depan negara ini. Justeru itu fikiran para pelajar janganlah dikongkong oleh satu-satu pertimbangan yang sempit sahaja, tetapi sebaliknya memikirkan kepentingan masa depan yang jauh. Sesuatu perkara yang dianggap menguntungkan bagi jangka pendek mungkin mendatangkan mudarat dalam jangka panjang. Bagi mereka yang berfikiran waras kebaikan dalam jangka panjanglah yang lebih menguntungkan. Pendapat ini disokong dengan jelas seperti yang kita lihat dalam masyarakat yang maju. Saya menganggap sebagai satu cabaran kepada para pelajar dan para belia kita bagi meneliti sedalam-dalamnya pengertian dan pertimbangan masing-masing sama ada ianya bermanfaat bagi masa depan atau tidak. Saya, walau bagaimanapun, mempunyai keyakinan bahawa para belia dan para pelajar kita adalah matang dan bertanggungjawab.

Para hadirin sekalian,

15. Sebagaimana termaklum, Parlimen kita telah meluluskan persempadanan baru kawasan-kawasan pilihanraya di seluruh negara, kecuali negeri Sarawak. Tindakan ini adalah selaras dengan hakikat bahawa tugas dan tanggungjawab seseorang Wakil Rakyat itu bertambah berat disebabkan oleh pembangunan yang pesat. Mereka juga adalah penghubung antara Kerajaan dengan rakyat dan diharap dapat membantu dalam menyelesaikan masalah-masalah rakyat khususnya dalam bidang pembangunan. Pada kesempatan ini, sukalah saya mengingatkan wakil-wakil rakyat supaya sentiasa sensitif terhadap hasrat dan

harapan rakyat. Dalam melaksanakan amanah rakyat, kita hendaklah sentiasa meletakkan kepentingan rakyat melebihi kepentingan diri. Dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, kita perlulah bersikap adil dan saksama dalam melayani keperluan dan aspirasi rakyat.

Para hadirin sekalian,

16. Adalah jelas dan nyata bahawa Sistem Demokrasi Berparlimen yang kita amalkan ini adalah sistem yang sebaik-baiknya dalam suasana masyarakat majmuk di negara ini. Melaluinya, kita telah berjaya mewujudkan kestabilan politik dan keamanan di negara kita. Dengan izin Allah Subhanahu Wataala, kita telah berjaya membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada rakyat dan negara. Melalui sistem ini juga kita telah dapat meningkatkan lagi syiar Islam. Adalah menjadi satu tanggungjawab yang murni bagi kita untuk berusaha sedaya upaya mempertahankan Sistem Demokrasi Berparlimen di negara ini. Dengan izin Allah Subhanahu Wataala, harapan dan hasrat rakyat supaya Malaysia menjadi sebuah negara yang aman, maju, bersatu padu dan bermaruah akan tercapai di bawah Sistem Demokrasi Berparlimen.

17. Sempena dengan Perayaan 25 Tahun Parlimen Malaysia, pameran mengenai Sejarah dan Perkembangan Parlimen Malaysia akan diadakan. Perayaan dan pameran ini diharapkan akan menjelaskan lagi hakikat bahawa Parlimen merupakan institusi yang unggul dalam amalan Demokrasi Berparlimen di negara ini. Di samping menjelaskan hakikat ini, sejarah dapat juga memberi beberapa renungan yang patut kita perhatikan bersama, terutama kepada anak-anak muda. Beberapa episod sejarah yang negatif hendaklah dielakkan sementara episod-episod lain yang memberi pengajaran pula kita perjuangkan dengan semangat yang kukuh serta amalan yang tidak mengenal penat lelah.

18. Akhir kata, saya dengan sukacitanya merasmikan Perayaan 25 Tahun Parlimen Malaysia serta Pameran Sejarah dan Perkembangan Parlimen Malaysia.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.